

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Teraju pembangunan ekonomi negara ialah pembangunan sumber manusia (Ramlee Mustapha & Ramziah Husin, 2002). Pendidikan dan pembangunan sumber manusia ialah kunci dan pemacu kepada peningkatan daya saing negara (Hanin Farha & Muhammad Hussin, 2012). Kesan daripada itu, dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun bermula dari Rancangan Malaysia Pertama hingga ke rancangan terkini, aspek pendidikan dan pembangunan sumber manusia memang diberi penekanan (Afaf Ahmad & Muhammad Hussin, 2012). Pembangunan modal insan merupakan teras utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006). Sebenarnya, kesedaran tentang kepentingan pembangunan modal insan dan peranan sekolah sebagai institusi sosial untuk membangunkan modal insan di negara ini telah timbul lebih awal lagi. Oleh sebab itu, peningkatan pembangunan sumber manusia untuk menghadapi cabaran globalisasi dan ekonomi pengetahuan diletakkan sebagai salah satu matlamat utama Rancangan Pembangunan Pendidikan Negara 2001–2010 (Ministry of Education, 2001).

Tambahan pula, kini negara kita melalui suatu program Transformasi Pendidikan (TP) di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) untuk meningkatkan prestasi pelajar, meningkatkan kemahiran rakyat dan meningkatkan kebolehpasaran pekerja serta berpendapatan tinggi, sekali gus dapat melahirkan insan yang bersepadu dan holistik (Asmah Yunos & Muhammad Hussin, 2012). Langkah permulaan Transformasi Pendidikan (TP) bermula apabila Bidang Keberhasilan Utama Negara

(NKRA) diperkenalkan pada tahun 2009 dengan salah satu inisiatif NKRA adalah mengarusperdanakan Pendidikan Teknik dan Latihan (TEVT) untuk menambahkan bekalan modal insan berkemahiran di Malaysia melalui penyediaan TEVT berkualiti kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan (Asmah Yunos & Muhammad Hussin, 2012). Maka, hasrat kerajaan untuk melahirkan sekurang-kurangnya 3.3 juta pekerja mahir yang kompetitif dan berdaya saing dalam tempoh 10 tahun akan datang merupakan salah satu tanggungjawab Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Nasional (2013 – 2025) [Muhyiddin Yassin, 2013]. Lanjutan daripada program Transformasi Pendidikan (TP), Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) dilancarkan pada 6 Januari 2012 apabila 15 buah Sekolah Menengah Vokasional dinaiktarafkan kepada Kolej Vokasional dengan pengambilan seramai 3120 orang pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (Muhyiddin Yassin, 2013).

Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan suatu mata pelajaran berbentuk latihan berdasarkan modul iaitu Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah akademik biasa pada tahun 2002 sebagai satu langkah ke arah melahirkan sekumpulan individu dalam masyarakat kita yang berpengetahuan, berkemahiran dan terlatih dalam perkara asas dalam beberapa bidang pekerjaan yang telah dikenal pasti (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). MPV memberi penekanan kepada latihan berbentuk praktikal (*hands-on*) (Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002a). Di samping itu, MPV juga memberi peluang yang luas kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka kerana menurut Ahamad Sipon (2001), mantan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Jabatan Pendidikan Teknikal) pada seminar kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional dan Pameran dalam ucap utama ‘Halatuju dan Cabaran Pendidikan Vokasional di Sekolah Menengah Akademik’ menyatakan bahawa sebilangan pelajar sekolah

akademik kurang mampu mengikuti mata pelajaran akademik tetapi mereka cenderung kepada mata pelajaran bercorak '*hands-on*' yang banyak melibatkan aktiviti '*learning by doing*' dengan menggunakan kemahiran tangan. Beliau berpendapat bahawa dengan melibatkan golongan pelajar yang kurang mampu mengikuti mata pelajaran akademik dalam program MPV, masalah pelajar seperti masalah disiplin dapat dikurangkan.

Pendek kata, perancangan dan pembangunan MPV adalah selaras dengan semangat di sebalik Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan warganegara yang berpengetahuan serta berakhlak mulia demi menghadapi cabaran kehidupan masa kini dan masa akan datang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Jadi, program MPV yang bercorak kemahiran vokasional boleh menyediakan pelajar kita untuk menghadapi cabaran negara pada masa depan. Hal ini demikian kerana Omoruyi dan Osunde (2004) berpendapat bahawa perubahan dalam pendidikan di Nigeria akibat dasar pendidikan kebangsaan baharu yang menekankan pendidikan vokasional boleh mengurangkan kadar pengangguran tinggi dan merevolusikan bidang ekonomi dan sosial di negara tersebut dengan mewujudkan warganegara yang boleh berdikari. Namun begitu, beliau mendapati keadaan sedemikian hanya akan wujud sekiranya dasar pendidikan vokasional dilaksanakan seperti yang dirancang. Begitu juga di Australia, menurut Navaratnam (1993), minat yang semakin meningkat dalam pendidikan vokasional telah menyebabkan aspek kuantiti pendidikan vokasional ditekankan manakala aspek kualiti yang begitu kritikal untuk masa depan negara Australia diabaikan. Oleh itu, menurut beliau lagi, peningkatan dalam pendidikan vokasional tanpa kualiti tidak akan menghasilkan tenaga kerja bertaraf antarabangsa. Menurut Dunham (1989) pula, mewujudkan suatu program pendidikan vokasional yang berkualiti untuk semua murid masih menjadi suatu cabaran kepada banyak negara.

Oleh itu, kualiti dalam pendidikan vokasional adalah sangat penting kerana Navaratnam (1993) menegaskan bahawa untuk memperoleh hasil pendidikan

vokasional (*outcomes*) yang berkualiti, kualiti aspek input, aspek konteks serta aspek proses mesti dijamin terlebih dahulu. Seterusnya, Navaratnam (1993) merumuskan bahawa pendidikan vokasional yang berkualiti ialah campuran reka bentuk program, murid, pengajaran dan pengurusan yang berkualiti. Sejajar dengan itu, beliau menekankan bahawa aspek konteks, input, proses dan '*outcomes*' harus menjadi komponen asas dalam penetapan kualiti untuk sesuatu program pendidikan vokasional.

Dalam pada itu, perlu disedari bahawa pembentukan dan pelaksanaan sesuatu program pendidikan seperti MPV melibatkan satu perbelanjaan yang besar tetapi perbelanjaan dalam pendidikan merupakan satu pelaburan yang memberikan pulangan kepada seorang individu (*private returns*) dan kepada masyarakat (*social returns*) kerana mengikut Teori Modal Insan (*Human Capital Theory*), proses persekolahan akan meningkatkan produktiviti seseorang yang seterusnya akan meningkatkan produktiviti sesebuah negara (Carnoy, 1995). Ringkasnya, sumber manusia yang berkemahiran dan berpengetahuan adalah pulangan yang sangat berharga kerana manusia yang berkemahiran dan berpengetahuan merupakan asas kejayaan sesebuah negara. Menurut bekas Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad (Ministry of Education Malaysia, 2001), pembangunan sumber manusia merupakan asas kejayaan sesebuah negara. Mahathir Mohamad (Ministry of Education Malaysia, 2001) menyatakan bahawa sesebuah negara yang mempunyai sumber manusia yang berpendidikan dan terlatih boleh mengatasi sebarang cabaran dan halangan dengan berani seperti berikut: "*The education and training sector is pertinent towards providing the nation with knowledgeable and skilled manpower. It has been proven that a nation could develop and progress if it has a highly knowledgeable and skilled human resource*" (ms. 1).

Maka, memang wajarlah Kementerian Pelajaran Malaysia membelanjakan sejumlah wang yang banyak setiap tahun untuk proses pendidikan negara supaya dapat mewujudkan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi (K-

worker). Selaras dengan itu, jumlah wang yang diperuntukkan untuk perbelanjaan sektor pendidikan dan latihan meningkat dalam setiap belanjawan negara, daripada RM36.5 billion pada tahun 2008 kepada RM47.7 billion pada tahun 2013 (Laporan Ekonomi, 2012/2013). Secara purata, sekurang-kurangnya 20% daripada peruntukan mengurus kerajaan dibelanjakan untuk sektor pendidikan dan latihan kerana terdapat hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan pendidikan dan latihan (Hasnah et. al, 2009). Maka, jelaslah pendidikan merupakan unsur terpenting dalam pembangunan modal insan (Shariffulizan Malek, 2007).

Menyedari kepentingan program MPV untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menambahkan kadar pemberian geran per kapita (PCG) untuk MPV daripada sebanyak RM65.00 seorang murid pada tahun pelaksanaannya (2002) kepada kadar antara RM180 dan RM220 seorang murid sejak 1 Januari 2005 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Peruntukan per kelas MPV pula telah meningkat daripada RM50,000 pada tahun 2002 kepada RM75,000, bermula tahun 2003 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Jelaslah, program MPV melibatkan pelaburan yang tinggi untuk menampung kos pembinaan atau pengubahsuaian bengkel, pembekalan peralatan, peruntukan PCG, penyediaan program peningkatan kemahiran teknikal untuk guru MPV dan penghasilan bahan sokongan untuk guru dan murid (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

Pertambahan peruntukan kewangan untuk pelaksanaan program MPV menunjukkan bahawa kerajaan memang serius dalam pembangunan modal insan di negara ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program MPV yang berbentuk latihan vokasional di sekolah harian biasa memastikan program MPV ini dilaksanakan mengikut teras-teras yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Lebih-lebih lagi, dua aspek penting yang telah diberi

penekanan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (2006) ialah aspek kualiti dan aspek pelaksanaan dalam pendidikan. Dua aspek ini penting supaya program MPV ini dapat mencapai objektifnya serta memberikan pulangan maksimum kepada pelaburan yang telah dibuat. Perkara ini sangat penting kerana menurut Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, pendidikan mendapat peruntukan besar setiap tahun tetapi hasil yang diperoleh tidak setara dengan pelaburan yang telah dibuat (Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2013). Oleh itu, hasil daripada pelaburan dapat dioptimumkan dengan memastikan program MPV dilaksanakan seperti dirancang. Menurut Sufean Hussin (2002), kajian terhadap tahap pelaksanaan yang bersamaan dengan pemantauan akan memberikan maklumat-maklumat tentang operasi dasar oleh golongan pelaksana. Beliau berpendapat bahawa maklumat tersebut boleh digunakan bagi memperbaiki keberkesanan pelaksanaan dan seterusnya suatu formula kerja dapat dirumus khas untuk menangani setiap masalah yang timbul. Oleh sebab itulah, di Amerika Syarikat, *General Accounting Office* sentiasa mengkaji dasar sosial dan ekonomi negaranya (Havens, 1990). Di Eropah pula, kerasionalan Skema Pembangunan Serantau dari segi ekonomi sentiasa dikaji (Barbier & Simonon, 1977). Begitu juga, di Bank Dunia, dasar dan program yang direka bentuk oleh ahli ekonomi sentiasa menjadi tajuk kajian (Jayarajah, Branson, & Sen, 1996).

Maka, kajian terhadap pelaksanaan sesuatu dasar kerajaan dalam sektor awam semakin penting kerana pelbagai pihak mendesak kerajaan menunjukkan bukti keberkesanan sesuatu dasar kerajaan (Wimbush & Watson, 2000). Desakan sedemikian wujud kerana kajian terhadap pelaksanaan sesuatu dasar kerajaan boleh membantu ke arah kejayaan sesuatu dasar atau program kerajaan dengan mengenal pasti kesilapan dalam pelaksanaan dasar atau program tersebut (Picciotto, 1999) .

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan teknikal dan vokasional ialah pemangkin utama dalam mempercepat pengeluaran buruh yang berpengetahuan (Shahril Marzuki, 2005). Selaras dengan perkembangan ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi, MPV, singkatan nama kepada 22 mata pelajaran elektif bercorak kemahiran vokasional diperkenalkan di sekolah menengah akademik pada peringkat Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 pada tahun 2002 (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010, 2006). Program MPV menawarkan 22 mata pelajaran yang dikelompokkan dalam lima bidang usaha iaitu binaan, pembuatan, teknotani, ekonomi rumah tangga dan aplikasi komputer. Penawaran pelbagai mata pelajaran ini dibuat berperingkat-peringkat dalam 4 fasa, mulai tahun 2002 hingga tahun 2005 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Menurut Mohd. Nordin (2011), MPV ialah peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup di Tingkatan 1 hingga 3 di peringkat sekolah menengah rendah. Bertitik tolak daripada mata pelajaran tersebut, kurikulum MPV digubal dan ditokok tambah dengan kemahiran-kemahiran yang menjurus kepada bidang yang boleh diceburi oleh mereka di alam pekerjaan (Mohd. Nordin, 2011).

Bagi fasa 1, lapan mata pelajaran ditawarkan mulai tahun 2002 (di 104 buah sekolah) iaitu Pembinaan Domestik, Membuat Perabot, Seni Reka Tanda, Menservis Peralatan Elektrik Domestik, Rekaan dan Jahitan Pakaian, Katering dan Penyajian, Landskap dan Nurseri serta Tanaman Makanan. Bagi fasa 2, mata pelajaran Grafik Berkomputer dan Produksi Multimedia diperkenalkan dan sebanyak 103 buah sekolah mula menawarkan program MPV pada tahun 2003. Seterusnya, bagi fasa 3, lapan mata pelajaran baharu ditawarkan mulai tahun 2004 iaitu Pemprosesan Makanan, Akuakultur dan Haiwan Rekreasi, Pendawaian Domestik, Menservis Automobil, Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara, Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut,

Hiasan Dalaman Asas serta Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Pada tahun 2004, sebanyak 134 buah sekolah mula menawarkan program MPV. Akhirnya, bagi fasa 4, empat lagi mata pelajaran baharu diperkenalkan mulai tahun 2005 iaitu Kerja Paip Domestik, Kimpalan Arka dan Gas, Menservis Motosikal, Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik. Pada tahun 2005, sebanyak 99 buah sekolah mula menawarkan program MPV. Maka, pada tahun 2005, kesemua 22 mata pelajaran dalam program MPV ditawarkan di 630 buah sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Jelas di sini bahawa bilangan sekolah yang menawarkan program MPV semakin bertambah. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006).

Dalam pada itu, kejayaan sesuatu inovasi pendidikan sangat bergantung kepada aspek pelaksanaannya (Ornstein & Hunkins, 1998; Sharifah Nor Puteh, 1994; Siti Hawa, 1986). Namun begitu, secara amnya, pelaksanaan sesuatu program inovasi pendidikan biasanya tidak dijalankan dengan sepenuhnya seperti yang dirancang (Choate, 1995; Mohd Nasrudin Basar, 2006; Rossi, 1979; Van Dusen & Worthen, 1994). Cornford (2000) berpendapat bahawa bukti empirikal melalui beberapa kajian menunjukkan bahawa latihan berdasarkan kompetensi tidak dilaksanakan secara meluas dan dengan jayanya, sama ada di sektor kerajaan atau di sektor swasta di seluruh Australia. Di Malaysia pula, Kementerian Pelajaran Malaysia (Ministry of Education Malaysia, 2001) melaporkan bahawa walaupun program pendidikan berasaskan ICT (*Information and Communications Technology*) dan pembekalan komputer sebagai aktiviti utama dalam penyediaan program ICT telah dilaksanakan sejak tahun 1990-an lagi, namun sehingga kini, masih banyak isu yang perlu dihadapi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam melaksanakan program ini.

Dapatan beberapa kajian pelaksanaan di Malaysia juga menunjukkan pelaksanaan sesuatu inovasi program pendidikan di Malaysia mempunyai beberapa kelemahan. Misalnya, kajian Sukumaran (1998) mendapati guru kurang melaksanakan

beberapa komponen kritikal dalam kurikulum Ekonomi Asas seperti kaedah pengajaran, aktiviti murid, teknik interaksi, penyerapan nilai-nilai murni, pemberian tugas, bahan perancangan pengajaran, alat bantu mengajar dan penilain kandungan. Kajian Juliana Mohd Ali (2004) mengenai pelaksanaan program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), yang diperkenalkan pada tahun 2003, menunjukkan beberapa kekangan dan masalah seperti kekangan peralatan, kekangan ruang untuk menyimpan peralatan, kekangan ruang untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dan kekangan pengurusan organisasi. Guru merupakan halangan utama bagi pelaksanaan dasar tersebut dan kebanyakan guru menginginkan lebih banyak latihan dan kursus dalam bahasa Inggeris. Dapatan kajian Juliana ini disokong oleh kajian Rosidi Md. Sidik (2004) yang mendapati kebanyakan sekolah masih menghadapi kekurangan kelengkapan dan kebanyakan guru masih memerlukan kursus untuk meningkatkan kemahiran mereka untuk melaksanakan program PPSMI. Begitu juga kajian Sharifah Nor Ashikin (1999) mengenai Pentaksiran Kerja Amali (Peka) dalam Sains yang diperkenalkan pada tahun 1999 menunjukkan bahawa guru-guru masih memerlukan pendedahan dan penyelarasan secara berkala supaya mereka dapat memantapkan kemahiran dan dapat mengendalikan program Peka dengan penuh yakin.

Secara khususnya, dapatan kajian-kajian mengenai pelaksanaan program MPV juga menunjukkan beberapa kelemahan. Contohnya, kajian Rosnah Mustaffa (2004) yang berfokus kepada Seni Reka Tanda (SRT), salah satu mata pelajaran MPV telah mengenal pasti masalah ketidakselesaian murid semasa mengikuti pembelajaran SRT disebabkan kebisingan dan panas kerana kekurangan kipas dalam bilik SRT; dan masalah kekurangan peralatan semasa menjalankan pembelajaran SRT. Seterusnya, kajian Ismahana Ismail (2006) yang meninjau pelaksanaan MPV di negeri Kedah menunjukkan kemudahan dan penyenggaraan bengkel MPV hanya berada pada tahap

sederhana sahaja. Begitu juga, kajian Farawahida Yassin (2009) yang meninjau kegunaan pelaksanaan MPV di negeri Johor juga mendapati guru MPV menghadapi kegunaan seperti peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, kekurangan kemudahan bengkel serta peralatan yang tidak lengkap serta tidak bersesuaian untuk memenuhi keperluan teknologi masa kini. Kajian Afizah Yusof (2008) yang meninjau keberkesanan pelaksanaan MPV di negeri Pulau Pinang pula mendapati pelaksanaan program MPV di negeri Pulau Pinang telah berkembang tetapi pelaksanaannya tidak mencapai sasaran yang dibanggakan.

1.3 Penyataan Masalah

Program MPV-LN telah mula dilaksanakan sejak tahun 2002. Namun begitu, masih wujud beberapa kelemahan dalam proses pelaksanaan program MPV-LN walaupun ia telah dilaksanakan lebih daripada 5 tahun. Kajian Mohd Rizal Abdul Ghani (2008) yang meninjau persepsi pelajar-pelajar Tingkatan 4 sekolah harian biasa di daerah Kuala Terengganu dan Besut yang mengikuti program MPV-LN menunjukkan kelengkapan peralatan serta kemudahan peralatan tidak mencukupi untuk kegunaan pelajar MPV-LN. Hasil kajian beliau juga mendapati pelajar-pelajar MPV-LN merasakan keluasan bengkel tidak mencukupi untuk menempatkan pelbagai kelengkapan pembelajaran. Selain itu, pelajar-pelajar juga berasa kurang selesa dengan ruang yang disediakan di dalam bengkel semasa menjalani aktiviti pembelajaran. Jika dikaji dengan teliti kajian-kajian lepas mengenai pelaksanaan program MPV yang telah dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, maka didapati kesemua kajian tersebut menunjukkan beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program MPV dan guru sebagai pelaksana sesuatu inovasi pendidikan menghadapi masalah untuk melaksanakan program MPV seperti yang dirancang. Mengapakah kelemahan dalam proses pelaksanaan masih berlaku

untuk suatu program penting seperti MPV-LN yang telah dilaksanakan lebih daripada 5 tahun?

Perlu diingat di sini bahawa kelemahan dalam pelaksanaan dan penyampaian sesuatu kurikulum dikenal pasti sebagai penghalang dalam pendidikan menengah yang berasaskan kompetensi. Perkara ini dinyatakan dalam *Education Development Plan* (Ministry of Education Malaysia, 2003) seperti berikut: “*Weaknesses in the implementation and delivery of the curriculum hinder secondary education from fulfilling the needs for competency-based education such as acquisitions and mastery of higher generic skills, technology utilization skills, ICT skills, and resource management skills*” (ms. 3). Dalam pada itu, keluaran sulung guru terlatih untuk program MPV melalui Program KPLI hanya mula mengajar di sekolah pada tahun 2003 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Tambahan pula, mengikut laporan dapatan kajian pentaksiran kompetensi dan pensijilan modular MPV 2004 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004), didapati hanya 12.5% guru MPV merupakan guru beropsyen pertanian, sedangkan landskap dan nurseri (LN) merupakan mata pelajaran yang paling banyak ditawarkan oleh sekolah dalam program MPV (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Ini menunjukkan kebanyakan guru MPV-LN terdiri daripada guru-guru bukan beropsyen pertanian dan mereka hanya memperoleh maklumat dan pengetahuan mengenai pelaksanaan MPV-LN melalui kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Maka, timbul soalan, sejauh manakah kursus-kursus yang telah dihadiri oleh guru-guru tersebut memenuhi keperluan mereka untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah seperti yang dirancang?

Persoalan-persoalan yang ditimbulkan dalam perbincangan di atas perlu dicari jawapannya kerana kejayaan sesuatu program sangat bergantung kepada proses pelaksanaannya yang membolehkan objektifnya tercapai (Sufean Hussin, 2002). Justeru, kelemahan dalam proses pelaksanaan program yang menjadi penghalang

kepada kejayaan program MPV-LN perlu dikenal pasti supaya ia dapat dilaksanakan seperti yang dirancang di peringkat sekolah dan seterusnya mencapai objektifnya. Sungguhpun terdapat banyak kajian mengenai pelaksanaan program MPV secara amnya, tetapi kajian mengenai pelaksanaan program MPV-LN yang merupakan suatu program yang paling popular sangat terhad. Menurut Mohd. Nordin (2011), belum ada sebarang kajian untuk mengesan pelaksanaan MPV secara menyeluruh kecuali kajian pihak PPK yang berbentuk kajian kes terhadap 16 buah sekolah fasa pertama yang telah melaksanakan program MPV pada tahun 2003.

Lebih-lebih lagi program MPV-LN merupakan suatu program vokasional yang mengamalkan pengajaran bermodul dan mentaksir murid berdasarkan pencapaian kompetensi dalam sesuatu kemahiran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Setelah sesuatu program dilaksanakan, usaha untuk mengesan cara pelaksanaannya harus dilakukan (Morris, 1978). Oleh yang demikian, suatu kajian yang berfokus kepada proses pelaksanaan perlu dilakukan untuk melihat sejauh manakah program MPV-LN sedang dilaksanakan di peringkat sekolah menengah di Malaysia seperti yang dirancang.

Dalam pada itu, menurut Walden (2001), kebanyakan kajian mengenai program pendidikan biasanya memberikan penekanan kepada pencapaian matlamat berbanding dengan aspek-aspek pelaksanaan lain seperti proses dan reka bentuk sesuatu program. Maka, kajian ini yang mengkaji pelaksanaan MPV-LN memberikan tumpuan khusus kepada aspek proses pelaksanaan MPV-LN di peringkat sekolah menengah. Kajian ini juga membolehkan pengkaji mengenal pasti aspek-aspek halangan dalam pelaksanaan MPV-LN di peringkat sekolah menengah yang kemudiannya membolehkan aspek-aspek penambahbaikan pelaksanaan program MPV-LN dikenal pasti. Perkara ini amat penting kerana menurut Sufean Hussin (2002), masalah yang tidak dikenal pasti dengan tepat akan melahirkan langkah penyelesaian yang salah serta membazir masa dan


sumber. Menurut Navaratnam (1993), sesuatu program vokasional, tidak kira sebaik mana program itu dijalankan, sentiasa mempunyai peluang untuk menjadi yang terbaik. Kajian pelaksanaan ini menyiasat sejauh mana program MPV-LN dilaksanakan mengikut yang dirancang oleh penggubal program MPV-LN dan seterusnya mencadangkan tindakan-tindakan yang harus diambil untuk menambah baik program MPV-LN.

Tindakan sedemikian sangat penting kerana usaha tersebut dapat mengoptimumkan kecekapan dan keberkesanan sesuatu program (Wimbush & Watson, 2000). Maka, suatu kerangka konsep kajian berdasarkan model CIPP (*Context, Input, Process, Product*) telah dibentuk untuk menjadi landasan atau dasar kajian ini. Kerangka konsep kajian dibincangkan dalam bahagian berikut.

1.4 Kerangka Konsep Kajian

Model CIPP (Stufflebeam dan rakan, 1971) merupakan suatu model penilaian program yang menjadi dasar pembentukan kerangka konsep kajian ini. Sungguhpun terdapat pelbagai jenis model penilaian seperti model Tyler (1949), model Diskrepensi Provus (1971), model *Goal-Free* Scriven (1974) dan model Stake (1967), kajian ini menggunakan rangka asas model penilaian CIPP (Stufflebeam dan rakan, 1971) sebagai dasar pembentukan kerangka konsep kajian ini kerana model penilaian CIPP berfokus kepada proses membuat keputusan ke arah menambah baik sesuatu program. Oleh yang demikian, model CIPP bersesuaian dengan tujuan kajian ini, iaitu menilai pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah menengah untuk menambah baik pelaksanaan program MPV-LN pada masa depan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan dijalankan mengikut suatu kerangka konsep kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

Menurut Sufean Hussin (1995), model konseptual kajian ialah suatu rajah yang dijadikan asas panduan dalam proses penyelidikan dan merupakan satu hubungan idea dalam komponen-komponen penyelidikan. Seajar dengan pandangan tersebut, maka kerangka konsep kajian ini (Rajah 1.1) juga merupakan suatu kerangka model konseptual kajian ini yang menjadi panduan kepada pengkaji untuk membuat kajiannya secara teratur dan sistematik. Kerangka konsep kajian ini (Rajah 1.1) telah dibina berdasarkan empat komponen atau dimensi Model CIPP (Stufflebeam dan rakan, 1971) iaitu konteks, input, proses dan produk. Kerangka konsep kajian ini telah menjadi landasan atau dasar kajian ini untuk mengkaji pelaksanaan program MPV-LN dengan memberikan fokus kepada dimensi proses. Pelaksanaan program MPV-LN dalam dimensi konteks, input dan produk turut dikaji untuk mendapatkan suatu gambaran yang menyeluruh mengenai proses pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah menengah kerana keempat-empat dimensi tersebut adalah berhubung kait antara satu sama lain. Maka, kerangka konsep kajian ini mengikut teori penilaian CIPP (Stufflebeam dan rakan, 1971) yang digambarkan melalui ilustrasi dalam Rajah 1.1 mengenai empat dimensi iaitu dimensi konteks, input, proses dan produk adalah seperti berikut:



Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian penilaian Program MPV-LN

Sumber. Adaptasi daripada Stufflebeam dan rakan (1971).

Dimensi konteks

Penilaian dimensi konteks membantu pengkaji mengenal pasti keperluan yang tidak dipenuhi pada peringkat asas pelaksanaan sesuatu program (Stufflebeam dan rakan, 1971). Dalam konteks kajian ini, keperluan guru yang tidak dipenuhi dikenal pasti supaya suatu persekitaran yang mendorong pelaksanaan program MPV-LN di sekolah dapat disediakan. Menurut Rossi (1979), penilaian program, antara lain, melibatkan pentaksiran keperluan program; pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan;

dan juga hasil program. Bentley (1977) menegaskan sesuatu program pendidikan berunsur pekerjaan tidak dapat dijalankan secara berkesan tanpa pimpinan seorang guru yang berpengetahuan dan layak walaupun program tersebut mempunyai murid yang berminat, kemudahan dan peralatan yang mencukupi serta berkualiti. Windham (1988) menekankan kursus yang diberikan kepada guru mempunyai korelasi yang positif dengan keupayaan guru menyalurkan ilmu kepada para murid. Menurut Lu dan Mille (2002), seorang guru vokasional sangat bergantung kepada kursus untuk memenuhi keperluan mereka kerana kelulusan, pengalaman mengajar dan ciri-ciri demografi guru menunjukkan hubungan yang lemah dengan aspek keperluan pengetahuan guru vokasional. Maka, dalam dimensi konteks ini, keperluan guru MPV-LN yang tidak dipenuhi ditinjau dengan menilai kursus-kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN. Dalam pelaksanaan inovasi pendidikan seperti program MPV-LN, kursus untuk guru harus memenuhi keperluan guru untuk melaksanakan program MPV-LN dalam persekitaran sekolah. Perkara ini dibuat dengan meninjau sejauh mana kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN memenuhi keperluan guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sebarang keperluan guru yang tidak dipenuhi akan menjejaskan pelaksanaan program MPV-LN oleh guru MPV-LN di sekolah seperti yang dirancang.

Dimensi input

Seterusnya, penilaian dimensi input mengenal pasti keupayaan sistem yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu program (Stufflebeam dan rakan, 1971). Dalam konteks kajian ini, penilaian input mengenal pasti keupayaan sistem yang bertanggungjawab (pihak sekolah) menyediakan peralatan MPV-LN dan kemudahan bengkel MPV-LN yang mencukupi, bersesuaian dan berfungsi untuk melaksanakan

program MPV-LN di peringkat sekolah. Menurut Chinapah dan Miron (1990), keberkesanan dan kualiti pendidikan teknikal/vokasional sangat dipengaruhi oleh komponen-komponen logistik seperti kemudahan bengkel dan peralatan terutamanya apabila dibandingkan dengan jenis pendidikan yang lain. Kekurangan atau kelemahan dalam mana-mana aspek tersebut akan menjejaskan pelaksanaan aktiviti amali dalam program vokasional di sekolah (Deller & Rudnicki, 1993; Walden, 2001; Werner, 2004). Sehubungan itu, dalam dimensi input ini, peralatan MPV-LN dan kemudahan bengkel MPV-LN dinilai dari segi kecukupan, kesesuaian dan kefungsiannya kedua-dua input tersebut. Maka, pihak sekolah yang bertanggungjawab melaksanakan program MPV-LN mestilah berupaya menyediakan peralatan MPV-LN dan kemudahan bengkel MPV-LN yang mencukupi, bersesuaian dan berfungsi.

Dimensi proses

Penilaian dimensi ketiga iaitu dimensi proses merupakan dimensi yang paling penting sekali dan penilaian dimensi proses ini mengesan kecacatan atau kelemahan dalam proses pelaksanaan sesuatu program (Stufflebeam dan rakan, 1971). Dalam dimensi proses ini, lima aspek pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah dinilai. Aspek pertama ialah langkah-langkah keselamatan yang diikuti dalam pelaksanaan program MPV-LN. Dalam program berbentuk vokasional seperti program MPV-LN, langkah-langkah keselamatan perlu diikuti setiap masa untuk mengelakkan kemalangan yang tidak diingini (Bentley, 1977). Aspek kedua ialah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program MPV-LN di peringkat sekolah. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program MPV-LN diteliti dari segi pengagihan masa pengajaran, kaedah pengajaran, pentaksiran kompetensi murid, keselamatan dan interaksi guru-murid (Bentley, 1977; McKenzie & Padilla, 1984; Brown & Saks, 1987; Kamdi, 1990) kerana

kegagalan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran program MPV-LN seperti yang dirancang akan menjejaskan hasil pembelajaran program MPV-LN. Seterusnya aspek ketiga ialah peluang yang diberi kepada murid MPV-LN melakukan aktiviti mengikut keupayaannya dalam pengajaran dan pembelajaran bermodul (Finch & Crunkilton, 1999; Shaharom Noordin & Yap, 1991). Aspek keempat ialah hak dan tanggungjawab murid MPV-LN dalam pentaksiran kompetensi (Wolf, 1995; Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002b). Aspek ketiga dan keempat perlu dipenuhi dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005) . Aspek kelima merujuk kepada halangan-halangan yang dihadapi oleh guru MPV-LN dalam pelaksanaan program MPV-LN. Halangan-halangan yang dihadapi oleh guru MPV-LN ditinjau dari segi kurikulum, pelaksana (guru), pentadbiran, modul, murid, pentaksiran kompetensi, kewangan, masa, penjadualan waktu dan lain-lain (Gross, Giacuinta, & Bernstein, 1971; Pratt, 1994; Omoruyi & Osunde, 2004; Shahril Marzuki, 2004). Faktor halangan utama dikenal pasti supaya langkah penyelesaiannya dapat dirancang.

Dimensi produk

Penilaian dimensi produk mengukur dan mentafsir pencapaian matlamat sesuatu program (Stufflebeam dan rakan, 1971). Sehubungan dengan itu, bagaimana program MPV-LN yang telah diikuti membantu murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan mereka ditinjau. Maklumat ini digunakan untuk mentafsir pencapaian matlamat program MPV-LN. Hasil penilaian untuk dimensi produk ini juga membolehkan suatu tafsiran yang rasional terhadap maklumat-maklumat yang diperoleh dalam dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses (Werner, 2004).

Akhirnya, maklumat-maklumat yang dikumpulkan iaitu hasil kajian pelaksanaan dimensi-dimensi konteks, input, proses dan produk dianalisis untuk mengetahui keadaan pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah menengah. Maklumat-maklumat tersebut seterusnya dapat digunakan untuk membuat sesuatu keputusan ke arah penambahbaikan program MPV-LN pada masa depan. Usaha menambah baik sesuatu program akan mempertingkatkan kualiti program tersebut (Werner, 2004). Oleh yang demikian, tujuan kajian ini bukan sahaja menilai keadaan pelaksanaan sesuatu program tetapi juga memberikan cadangan untuk membaikinya supaya program tersebut menjadi lebih berkualiti. Pendidikan vokasional yang berkualiti juga akan meningkatkan nilai tambah seseorang yang menjadi sumber tenaga mahir untuk pembangunan negara (Benson, 1987). Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan suatu usaha ke arah pendidikan berkualiti.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah menengah berdasarkan model CIPP di Semenanjung Malaysia untuk menambah baik pelaksanaan program MPV-LN pada masa depan.

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menilai sejauh mana kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN memenuhi keperluan mereka untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah.
2. Menilai sejauh mana peralatan dan kemudahan bengkel yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN mencukupi, bersesuaian dan berfungsi.

3. Menilai sejauh mana langkah-langkah keselamatan dilaksanakan dalam program MPV-LN.
4. Menilai bagaimana guru MPV-LN melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN.
5. Menilai sejauh mana murid MPV-LN berpeluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan mereka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN.
6. Menilai sejauh mana program MPV-LN membantu murid MPV-LN dalam mengetahui tanggungjawab dan hak mereka dalam proses pentaksiran kompetensi di sekolah.
7. Mengenal pasti faktor halangan utama bagi guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN.
8. Meninjau bagaimana program MPV-LN yang telah diikuti membantu murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan mereka.

1.7 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat menjawab secara khusus soalan-soalan kajian yang dinyatakan di bawah dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk seperti berikut:

Dimensi konteks:

1. Sejauh manakah kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN memenuhi keperluan guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah?

Dimensi input:

2. Sejauh manakah peralatan MPV-LN dan kemudahan bengkel MPV-LN yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN mencukupi, bersesuaian dan berfungsi?

Dimensi proses:

3. Sejauh manakah langkah-langkah keselamatan dilaksanakan dalam program MPV-LN?
4. Bagaimanakah pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN dilaksanakan oleh guru MPV-LN?
5. Sejauh manakah murid MPV-LN berpeluang melakukan aktiviti dalam modul MPV-LN mengikut keupayaan mereka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN?
6. Sejauh manakah program MPV-LN membantu murid MPV-LN dalam mengetahui tanggungjawab dan hak mereka dalam proses pentaksiran kompetensi MPV-LN?
7. Apakah faktor halangan utama bagi guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah?

Dimensi produk:

8. Bagaimanakah program MPV-LN yang telah diikuti membantu murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan mereka?

1.8 Kepentingan Kajian

Program MPV dilaksanakan di 104 sekolah semasa program ini diperkenalkan pada tahun 2002 dan bilangan sekolah yang menawarkan program tersebut meningkat kepada 552 sekolah pada tahun 2006. Jumlah sekolah yang menawarkan program MPV akan meningkat melebihi 1000 sekolah pada tahun 2010 (Pusat Perkembangan Kurikulum,

2005). Peningkatan bilangan sekolah yang menawarkan program MPV tidak semestinya menggambarkan keberkesanan pelaksanaannya. Hal ini demikian kerana, menurut Dunham (1989), walaupun terdapat peningkatan dalam program pendidikan vokasional yang ditawarkan di sekolah menengah di England, ini tidak bermaksud semuanya berada dalam keadaan sempurna. Sebaliknya, Dunham menegaskan bahawa peluang-peluang untuk menambah baik program tersebut harus dikenal pasti, di samping mengenali perubahan-perubahan yang perlu dilakukan dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program tersebut.

Maka, kajian pelaksanaan ini terhadap program MPV-LN dapat memberikan maklumat-maklumat yang sangat berguna kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam proses membuat keputusan ke arah menambah baik program ini pada masa depan. Misalnya, kajian ini telah meneliti masalah pelaksanaan pada peringkat asas dalam dimensi konteks dengan meninjau sejauh manakah kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN memenuhi keperluan guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Maklumat ini dapat digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merancang perubahan *'incremental'* yang diperlukan. Keadaan kecukupan, kesesuaian dan kefungsiian peralatan dan kemudahan bengkel MPV-LN juga telah ditinjau. Maklumat ini dapat digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membuat keputusan penstrukturan berkaitan dengan input-input tersebut.

Di samping itu, kajian ini juga meninjau pelaksanaan langkah-langkah keselamatan, cara pengajaran dan pembelajaran MPV-LN dilaksanakan, peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan murid, dan tanggungjawab dan hak murid dalam proses pentaksiran kompetensi. Faktor halangan utama bagi guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program juga dikenal pasti dalam dimensi proses ini. Maklumat ini dapat digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membuat

perubahan yang sewajarnya supaya pelaksanaan program MPV-LN dapat berjalan secara lancar.

Maklumat mengenai produk program MPV-LN iaitu murid lepasan program MPV-LN dapat digunakan oleh KPM untuk menambah baik pelaksanaan program MPV-LN pada masa depan dengan membuat pengubahsuaian supaya matlamat MPV-LN yang dirancang dapat dicapai sepenuhnya. Selain itu, kajian ini dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang kajian pelaksanaan dan seterusnya menjadi rujukan kepada para penyelidik untuk menyelidik program-program pendidikan yang lain. Lebih-lebih lagi, menurut Sanders dan Nafziger (Sanders & Nafziger, 1976), kajian pelaksanaan diakui oleh para penyelidik sebagai suatu kajian penting untuk memberikan maklumat tentang pelaksanaan program, dasar dan kurikulum pendidikan. Oleh itu, Sanders dan Nafziger (1976) berpendapat bahawa kajian seumpama ini telah menjadi suatu aspek penting dalam kebanyakan program pendidikan pada masa kini.

Di samping itu, kajian pelaksanaan program MPV-LN ini bukan sahaja dapat meninjau keadaan pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah, tetapi juga dapat memberikan pengetahuan secara mendalam tentang kekuatan dan kelemahan pelaksanaannya supaya sekolah sebagai agen pelaksana dapat diperkukuh. Deller dan Rudnicki (1993) menganggap sekolah sebagai sebuah firma yang menukarkan *input* kepada *output* melalui suatu proses pengeluaran. Ini ialah langkah pertama ke arah menambah baik sesuatu program (Sanders & Nafziger, 1976). Perubahan yang dibuat ke atas sesuatu program untuk menambah baik hasil program tersebut sebenarnya merupakan penambahbaikan kecekapan program tersebut (Lewis, 1989). Seterusnya, penambahbaikan kecekapan program akan menambah baik '*cost-effectiveness*' sesuatu program iaitu meningkatkan pulangan pada kos yang minima (Behrman, 1996). Maka, menurut Behrman (1996), ketidakcekapan dalam sesuatu program dapat dihapuskan

atau dikurangkan dengan mengenal pasti aspek yang tidak cekap dan membuat perubahan yang sewajarnya.

MPV-LN yang merupakan suatu program pendidikan yang menggunakan kaedah pengajaran berasaskan modul serta pentaksiran murid berdasarkan pencapaian kompetensi dalam sesuatu kemahiran dikaji untuk mengetahui sejauh mana pelaksanaannya berlaku seperti yang dirancang. Kajian ini yang menggunakan Model CIPP Stufflebeam dan rakan (1971) telah memberikan maklumat-maklumat yang sangat berguna kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya mengkaji pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah sahaja. Kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah menengah harian biasa yang menawarkan program MPV-LN pada tahun pelaksanaan program MPV 2002 (Fasa 1). Responden kajian terdiri daripada murid akhir tahun Tingkatan Empat yang mengikuti program MPV-LN, guru-guru yang mengajar MPV-LN sekurang-kurangnya tiga tahun, serta murid lepasan program MPV-LN sahaja dan tidak melibatkan pengetua sekolah.

1.10 Definisi Operasional

(i) Program MPV-LN

Program MPV-LN dalam kajian ini merujuk kepada program MPV-LN yang ditawarkan kepada murid Tingkatan Empat di sekolah menengah akademik biasa, bermula pada tahun pelaksanaannya iaitu pada tahun 2002.

(ii) Pelaksanaan Program MPV-LN

Pelaksanaan dalam kajian ini bermaksud pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah seperti yang dirancang oleh pihak KPM dan merujuk kepada: kursus MPV-LN dalam memenuhi keperluan guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah; kecukupan, kesesuaian dan kefungsiian peralatan dan kemudahan bengkel MPV-LN; langkah-langkah keselamatan yang diikuti dalam program MPV-LN; pengajaran dan pembelajaran MPV-LN; peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan murid MPV-LN; pengetahuan murid MPV-LN mengenai tanggungjawab dan haknya dalam proses pentaksiran kompetensi MPV-LN; halangan utama bagi guru MPV-LN dalam pelaksanaan MPV-LN dan, bantuan program MPV-LN kepada murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan mereka.

(iii) Penilaian Program MPV-LN

Penilaian dalam kajian ini menggunakan definisi penilaian Stufflebeam dan rakan (1971) iaitu penilaian ialah suatu proses membuat garis panduan untuk mendapat maklumat yang diperlukan mengenai pelaksanaan program MPV-LN (*delineating information*) iaitu berdasarkan soalan-soalan kajian; mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan program MPV-LN (*obtaining information*) melalui pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif; dan membekalkan maklumat mengenai pelaksanaan program MPV-LN (*providing information*) berdasarkan penilaian yang dibuat supaya keputusan perubahan untuk menambah baik program MPV-LN dapat dibuat oleh pihak berkuasa.

(iv) Peralatan Program MPV-LN

Peralatan dalam kajian ini bermaksud peralatan tangan dan mesin yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran MPV-LN di sekolah menengah harian biasa.

Peralatan ini digunakan oleh guru dan murid MPV-LN untuk melakukan segala aktiviti yang terdapat dalam modul MPV-LN serta melakukan segala aktiviti pentaksiran kompetensi MPV-LN.

(v) Kemudahan bengkel Program MPV-LN

Kemudahan bengkel dalam kajian ini bermaksud kemudahan yang terdapat dalam bengkel MPV-LN yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran MPV-LN di sekolah menengah harian biasa. Kemudahan bengkel MPV-LN ini digunakan oleh guru dan murid MPV-LN untuk melakukan segala aktiviti yang terdapat dalam modul MPV-LN serta melakukan segala aktiviti pentaksiran kompetensi MPV-LN.